

Media Title : Utusan Borneo Sabah  
Headline : Guru wanita rugi lebih RM270,000 terperdaya sindiket penipuan panggilan telefon  
Date : 10 April 2025  
Section : Tempatan  
Page : 2



## Guru wanita rugi lebih RM270,000 terperdaya sindiket penipuan panggilan telefon

**KUANTAN:** Seorang guru wanita kerugian RM270,120.50 selepas terperdaya dengan sindiket penipuan menerusi panggilan telefon yang menyamar sebagai wakil sebuah syarikat perkhidmatan kurier dan polis pada Julai lepas.

Ketua Polis Pahang Datuk Seri Yahaya Othman berkata mangsa berusia 31 tahun menerima panggilan daripada suspek yang mendakwa dari syarikat perkhidmatan kurier dan memberitahu terdapat bungkusan yang dihantar atas nama mangsa, mengandungi tiga keping kad pengenalan dan tujuh keping kad ATM.

Beliau berkata mangsa menafikan bungkusan berkenaan, tetapi panggilan itu kemudiannya disambungkan kepada pihak yang mengaku sebagai anggota polis dan mengarahkannya memohon pinjaman peribadi dari beberapa bank bagi membantu siasatan.

“Mangsa juga diarahkan untuk menyerahkan semua wang pinjaman ke pihak AMLA dan perlu melapor diri setiap hari sepanjang siasatan dijalankan. Mangsa membuat 18 transaksi pembayaran ke 16 akaun bank berbeza berjumlah RM270,120.50 bermula 29 Julai sehingga 9 Mac lepas.

“Pada 7 April, mangsa cuba menghubungi pihak polis untuk membuat pengesahan dan dimaklumkan bahawa mangsa telah ditipu. Sumber kewangan adalah wang simpanan, pinjaman peribadi dan wang pinjaman ahli keluarga,” katanya dalam kenyataan semalam.

Yahaya berkata kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan. — Bernama